



WAKILISAN

KDN 7890



KELUARAN 19, 1995  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

## KANDUNGAN

Kata-Kata Aluan oleh YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	<b>3</b>
Kata-Kata Aluan oleh Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus	<b>4</b>
Kata-Kata Aluan oleh Tuan Haji Mohamed Hisa Tahat, Ketua Pengarang Jurnal WARISAN	<b>5</b>
Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.	<b>6</b>
1 Lawatan Penyelidikan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan ke India Selatan.	<b>7</b>
2 Kewujudan Agama Hindu Dan Sistem Kasta Dalam Masyarakat India, di India.	<b>15</b>
3 Pengislaman Penduduk Negeri Sembilan Kaitannya Dengan India	<b>22</b>
4 Institusi Raja Dan Keluarga Diraja Negeri Sembilan	<b>28</b>
5 Muzik Tradisional India	<b>64</b>
6 Sejarah Gemas	<b>86</b>



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC  
**Menteri Besar Negeri Sembilan**

PEJABAT MENTERI BESAR  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI  
70502 SEREMBAN



## MENGIMBAS WARISAN SEJARAH KUNO

*W*saha berkesinambungan menerbitkan Jurnal Warisan Kelolaan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dengan menonjolkan pertalian sejarah masyarakat Islam dan wilayah asing pastinya memberikan manfaat kepada pencinta sejarah sekalian.

Wajar sekali imbasan dan kupasan ini dibuat dengan harapan agar kecenderungan untuk menoleh kembali kepentingan sejarah kuno dalam proses kehidupan hari ini mendatangkan kebaikan kepada kita semua.

Perhubungan dengan Wilayah India sebagai contoh bukanlah sekadar di bidang ekonomi, budaya dan pengaliran tenaga buruh sahaja tetapi merangkumi perkongsian di bidang agama khususnya Islam.

Asas-asas keagamaan yang diperkembangkan melalui kaedah mubaligh dan saudagar ternama di era tersebut telah mencetuskan semangat keakraban yang padu di kalangan kepimpinan dan masyarakat tempatan.

Semoga segala pengumpulan bahan dan fakta yang didatangkan dari tanah asing di samping bahan-bahan tempatan yang terkini dan mutakhir akan memperlengkapkan lagi "significant" dan fungsi sejarah dalam episod perjuangan bangsa masakini.

Salam Hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hj. Mohd. Isa" followed by "Dato' Hj. Abdul Samad". The signature is written over a diagonal line.

(Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa b. Dato' Hj. Abdul Samad)



## PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### KATA-KATA ALUAN

 Yukur Alhamdulillah, seperti yang dijanjikan penerbitan Jurnal Warisan Ke-19 berjaya dihasilkan. Penerbitan kali ini memuatkan empat artikel mengenai India Selatan yang dihubungkaitkan dengan Sejarah Nusantara secara umum dan sejarah Negeri Sembilan secara khusus iaitu hasil daripada Lawatan Penyelidikan Jawatankuasa PSMCNS ke Selatan India pada bulan Ogos 1994.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menonjolkan pertalian sejarah Masyarakat Islam dan Wilayah Asing serta pengumpulan bahan dan fakta dari Tanah asing akan diteruskan melalui program-program Lawatan Penyelidikan oleh Ahli-ahli PSMCNS di semua peringkat sebagai wadah penulisan penerbitan Jurnal yang akan datang.

Ruangan 'Lorekan Remaja' pada penerbitan kali ini merupakan hasil penulisan tiga orang pelajar Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman, Gemas, yang telah memenangi Tempat Pertama dalam Pertandingan Penulisan Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah 1995, anjuran Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diucapkan syabas dan setinggi tahniah. Adalah diharapkan hasil penulisan kali ini dapat menyumbang ke arah usaha untuk menambah koleksi khazanah sejarah tanah air.

Akhir kata, kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, diucapkan syabas, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Seterusnya 'Warisan' memerlukan sokongan berterusan daripada setiap individu yang cintakan sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

**Khamis bin Noye**

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerja PSM  
Cawangan Negeri Sembilan



## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

DARI MEJA KETUA PENGARAH

*M*hamdulillah sekali lagi "Warisan" dilahirkan untuk keluaran kali ke 19. Sebagaimana yang telah dijanjikan "Warisan" kali ini mempaparkan rencana-rencana utama berkaitan dengan sejarah dan budaya orang-orang India Selatan. Penulisan-penulisan ini ditulis adalah berdasarkan bacaan, pemerhatian dan sedikit sebanyak kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis hasil daripada lawatan mereka ke India Selatan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 1994.

Lawatan tersebut dibuat dengan tujuan untuk mengenal lebih dekat lagi asal-usul sejarah dan budaya kaum India yang datang beramai-ramai ke Tanah Melayu pada awal kurun ke 20, berakar umbi dari Selatan India. Penulisan-penulisan ini diarakamkan supaya para pembaca dapat bersama-sama lebih mengenali masyarakat kaum India yang merupakan kaum ketiga ramainya di negara kita ini.

InsyaAllah dalam keluaran yang akan datang 'Warisan' akan memuatkan pula penulisan-penulisan mengenai sejarah, budaya dan perkembangan Islam di Negara China. Apakah keunikan dan rohsia bangsa yang pernah mewarisi salah satu tamadun yang tertua dan unggul di dunia. Sama-sama kita tunggu terbitan 'Warisan' ke 20 nanti.

Dalam segmen 'Lorekan Remaja' kali ini dimuatkan pula dengan penulisan Sejarah Tempatan yang telah memenangi hadiah pertama peringkat Kebangsaan bertajuk 'Sejarah Gemas' oleh kumpulan pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman Gemas.

Terima Kasih

**Mohd. Hisa bin Tahat**

Ketua Pengarang Jurnal Warisan PSM Cawangan Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 1995-1996**

**Yang Di Pertua**

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad  
SPNS., PSM., DSNS., PMC

*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Naib Yang Di Pertua**

Encik Khamis bin Noyo, AMN., PPT., ASDK., ADK  
*Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Setiausaha Kehormat**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK

**Penolong Setiausaha Kehormat**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman, PJK

**Bendahari**

Encik Tilak Raj Sharma, PJK

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., PPT., PJK

Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mohd. Rais, AMN., ANS., PMC., PJK

Tuan Haji Hussin bin Salleh, PMC

Tuan Haji Lajis bin Achil, PMC., BKT

Tuan Haji Sudin bin Kamari, AMN., PMC., PJK

**SIDANG REDAKSI WARISAN KE-19**

**Pengerusi**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat

**Editor**


Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Mohd. Misan bin Maslor

**Setiausaha**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman



**PENGISLAMAN PENDUDUK  
NEGERI SEMBILAN  
KAITANNYA DENGAN INDIA**

*Oleh:*  
**ABDUL AZIZ SALLEH**

**P**rofessor Doktor Syed Mohd. Naguib al Attas pernah menyatakan, "dalam penulisan sejarah Melayu - Indonesia agama dan nilai-nilai kebudayaan Benua India serta peristiwa-peristiwa sejarah benua Indialah yang telah dibesar-besarkan sehingga Islam sendiri pun terpaksa diperbandingkan dan dirumpunkan sebagai suatu terusan dari lakunan sejarah lama India dan pertaliannya dengan kehidupan daerah kepulauan ini. Dari kerana peranan India dalam pencejahan Melayu - Indonesia telah dibesar-besarkan maka segala penulisan mengenai sejarah Islam di daerah kepulauan ini telah berkisar dalam gelanggang sejarah kebudayaan lautan India. Perbandingan-perbandingan yang telah dilakukan terhadap sejarah Islam adalah perbandingan-perbandingan dengan Hinduisme dan Buddhism".

Tulisan ini tidaklah bertujuan untuk menilai akan adanya suatu 'terusan' dari 'lakunan sejarah lama India' dan pertaliannya dengan kehidupan daerah kepulauan ini, seperti yang disebutkan oleh Professor Dr. Syed Mohd. Naguib itu tetapi adalah cuba melihat secara sepantas lalu dan paling dangkal akan hubungan-hubungan sejarah Negeri Sembilan dengan India, terutama mengenai pengislaman penduduk Negeri Sembilan ini, jika ada, hasil penelitian sepantas lalu selepas mengadakan kunjungan yang amat singkat ke India Selatan dan Negeri Kerala pada 19 hingga 28 Ogos 1994 yang lalu.

Setakat ini di Negeri Sembilan belum lagi ditemui tinggalan-tinggalan atau kesan sejarah seperti candi atau berhala Hindu dan Buddha, seperti yang terdapat di Lembah Bujang, Kedah. Ini menunjukkan setakat ini, kawasan Negeri Sembilan tidak menjadi atau kurang menjadi tumpuan kegiatan penganut Hindu dan Buddha sebelum kedatangan agama Islam di Tanah Melayu. Ini disebabkan Negeri Sembilan ketika itu bukannya suatu pusat perdagangan yang menjadi tumpuan pedagang-pedagang luar, berabad-abad sebelum kedatangan Islam. Oleh itu Negeri Sembilan ketika itu, tidak menunjukkan kesan-kesan adanya petempatan-petempatan yang istimewa yang menarik minat pedagang-pedagang atau pengembang-pengembang agama, untuk bergiat. Ini menyebabkan kita tidak mendapat gambaran jelas, setakat ini apakah agama yang menjadi anutan penduduk-penduduk di Negeri Sembilan ketika itu, atau ketika sebelum kedatangan Islam ke Nusantara atau pada era yang paling dekat dengan era sebelum kedatangan Islam ke Melaka.

Yang jelas ialah selepas Agama Hindu dan Agama Buddha, penduduk di

Semenanjung Malaysia menerima agama Islam. Seawal-awalnya Semenanjung Tanah Melayu telah menenerima Islam pada abad keempat belas atau abad kelima belas. Ada tiga pendapat atau teori kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu ini. Pertama Islam datang terus dari Tanah Arab. Kedua orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu telah diislamkan oleh mubaligh-mubaligh dari India. Ketiga, mubaligh-mubaligh Islam dari China turut sama berperanan mengislamkan penduduk dipantai timur Semenanjung dan juga negeri Kedah. "Kalah Bar" atau Kedah sekarang ini adalah sebuah destinasi persinggahan di tengah-tengah jalan pelayaran perniagaan antara negeri China di bahagian Timur dan Negeri India, Fars dan Arab dibahagian barat. Sebelum TM1400, yakni sebelum kerajaan Melayu Melaka ditubuhkan, kerajaan Islam Pasai di Sumatera Utara dikatakan pernah meluaskan pengaruh siasahnya ke atas Negeri Kedah hingga ke Negeri Terengganu.

Sebuah prasasti atau Batu Bersurat yang sekarang dinamakan sebagai Batu Terengganu telah ditemui di Kuala Berang yang terletak lebih kurang dua puluh lima batu ke Hulu Sungai Terengganu. Batu Terengganu adalah sebuah (sekeping) batu bertulis dalam Bahasa Melayu huruf jawi, yang mengandungi susunan peraturan mengenai undang-undang kekeluargaan Islam dan hukuman terhadap penzinaan. Menurut pendapat Professor Dr. Syed Mohd. Naguib al Attas, batu bersurat itu bertarikh 4hb. Rejab TH 702 bersamaan dengan 22hb. Februari 1303M. Tarikh itu terowal seratus tahun dari tarikh Melaka menerima Islam.

Menurut pendapat Dr. Mohd. Zaki Badawi dalam bukunya bertajuk 'Latar Belakang Kebudayaan Penduduk-Penduduk di Tanah Melayu' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1962, Batu Trengganu ini dibawa oleh pegawai Kerajaan atau pengembang agama Islam dari Pasai, Sumatera.

Dalam hubungannya dengan Negeri Sembilan, terdapat suatu kesan tinggalan sejarah berkaitan dengan Islam. Tinggalan atau kesan sejarah itu sekarang dikenali sebagai makam atau keramat Sungai Udang, di Pengkalan Kempas yang terletak dipinggir Sungai Linggi. Tinggalan itu berupa sebuah perkuburan seorang Islam bernama Ahmad. Ia dikatakan meninggal dunia pada sekitar TM1467. Sehingga setakat ini belum dibuktikan lagi oleh mana-mana pengkaji sejarah, adanya kesan-kesan perkampungan disekitar Sungai Udang Pengkalan Kempas, telah wujud disekitar awal hingga akhir abad kelima belas. Selain itu tidak terdapat perkuburan lain disisi atau disekitar yang berhampiran dengan makam atau keramat Sungai Udang ini. Ini menunjukkan Sungai Udang Pengkalan Kempas bukanlah sebuah petempatan apalah lagi sebagai sebuah pelabuhan perdagangan, sekalipun Pengkalan Kempas hanya terletak disekitar sepuluh batu sahaja dari Kuala Linggi atau Kuala Sungai Linggi.

Dapatkah dianggap Ahmad atau ada ahli sejarah membaca batu bersurat

dikuburan itu sebagai Sheikh Ahmad Majnu (majnun?) adalah seorang pendakwah yang menjadikan Pengkalan Kempas atau Sungai Udang sebagai pusat kegiatan dakwah Islam? Belum ada jawapan setakat ini. Oleh itulah maka Sheikh Ahmad dikatakan seorang mubaligh Islam yang telah dihukum bunuh oleh Sultan Mansur Shah di Melaka. Dan dikuburkan di situ oleh pengikut-pengikutnya. Atau Sheikh Ahmad dikatakan telah menggunakan Sungai Linggi untuk mudik ke Sungai Ujung. Dalam perjalannya ia meninggal dunia. Maka ia dikebumikan di situ.

Setakat ini juga masih belum jelas adakah Sheikh Ahmad Majnu ini seorang Islam dari India atau pun bukan dari India. Dia juga tidak dapat dianggap seorang saudagar Arab yang berpengaruh atau kaya yang telah mendapat mobiliti menegak atau mendatar dengan gelaran Syah, atau Khoja atau Tun. Dia juga tidak dapat dianggap seorang saudagar atau orang besar India yang berpengaruh dengan istana Sulatan Mansur Shah kerana ia tidak memakai gelaran Naina.

TM1467 adalah zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka, seorang Sultan yang dikatakan amat berkuasa dan berwibawa. Pada masa pemerintahannya penduduk Melaka dikatakan hampir 40,000 orang. Zaman Sultan Mansur Shah adalah zaman Islam telah bertapak kukuh dan berkembang dengan lengkap dan pesat di Melaka, malah pada zaman inilah beberapa negeri dan daerah tertentu di keputusan Melayu telah di Islamkan oleh Melaka. Melaka telah menjadi pusat penyebaran Islam terpenting.

Penduduk Melaka ketika ini selain orang-orang Melayu adalah orang-orang dari Negeri China, Kelinga (Tamil), Gujerat, berbagai suku bangsa dari Tanah Arab, Ghori, Farsi, Burma, Pegu, Kemboja (Champa), Meluku dan lain-lain lagi. Penempatan penduduk yang begitu ramai tertumpu di tiga bahagian negeri Melaka iaitu Upah (Tranquerah) bahagian utara dan mempunyai penduduk paling ramai, Iler (bandar Hilir) menganjur hingga ke Tanjung Tanjopaeer, iaitu Ujung Pasir sekarang dibahagian selatan dan Sabac iaitu kawasan yang menganjur dari kuala hingga hulu Sungai Melaka, menurut laporan Tome Pires dan Eridie.

Zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka juga adalah merupakan zaman kegemilangan pentadbiran Bendahara Tun Perak. Dia dikurniakan daerah penguasaan yang meliputi Tanjung Tuan di Port Dickson sekarang dan juga wilayah Sungai Ujung atau Seremban sekarang, selain dari beberapa daerah lain yang menjadi milik penguasaan kerajaan Melaka. Jika demikian kenyataannya, maka aliran Sungai Linggi dan lembah-lembahnya juga adalah dalam makluman dan penguasaan Bendahara Tun Perak. Oleh itu hubungan antara Sungai Ujung dengan Melaka memang telah ujud dan menjadi aktif dalam beberapa bidang, terutama perdagangan, sosial, istiadat dan keagamaan sejak kewujudan dan kegemilangan

kerajaan Melayu Melaka. Pengaruh keagungan Melaka dalam bidang perdagangan, sosial, adat istiadat dan keagamaan ini, meninggalkan kesan dan pengaruh yang jelas, jika tidak pun keseluruhan Negeri Sembilan tetapi sekurang-kurangnya ke daerah Sungai Ujung, pesisir pantai serta lembah Sungai Linggi. Jadi di sini, apakah tanggapan kita,. Adakah pengislaman penduduk Sungai Ujung, pesisir pantai dan lembah Sungai Linggi ini dilakukan oleh mualigh dari India, Arab, China atau oleh pengaruh kekuatan dan keagungan Tun Perak dan kesultanan Melaka itu sendiri. Persodalan ini perlu ada kajian teliti.

Selain daerah Sungai Ujung, daerah-daerah pendalaman Negeri Sembilan yang lain ada yang bersempadan dengan daerah Naning di Alor Gajah. Yang jelas ialah daerah Rembau. Daerah ini selain mempunyai hubungan jalan Sungai yang bersatu dan bersempadan dengan Melaka, iaitu Sungai Linggi dan Sungai Rembau, maka daerah ini juga mampu mewujudkan jalinan hubungan jalan darat yang berkesan dengan daerah Naning di Melaka.

Ada hubungan timbal balik di antara pengaruh yang berlaku di daerah Rembau dengan pengaruh yang diterima dan diterapkan di daerah Naning Alor Gajah Melaka. Kerana hubungan yang demikian, maka apakah pengaruh dan penganutan Islam yang berlaku di Daerah Naning itu tidak akan meletakkan pengaruhnya pula kepada Daerah Rembau dan daerah-daerah lain yang berhampiran di Negeri Sembilan. Jadi, jika penduduk daerah Rembau dan Sungai Ujung serta pesisiran pantai Negei Sembilan ini telah menganut Islam dalam zaman Melaka, siapakah yang lebih mampu dan pengaruh manakah yang lebih berkesan mengislamkan penduduk di daerah pendalaman Negeri Sembilan, seperti Jelebu, Kuala Pilah, Jempul dan daerah-daerah pendalaman lain di Negeri Sembilan. Adakah mualigh-mualigh India, Arab atau China akan menjelajah atau telah menjelajah ke daerah-daerah pendalaman yang dinyatakan tadi untuk mengislamkan penduduk-penduduk di situ. Dan di daerah-daerah pendalaman ini telah adakah ditemui batu-batu bersurat, nisan-nisan dan perkuburan-perkuburan yang menyerupai atau mirip seperti makam Keramat Sungai Udang di Pengkalon Kempas itu. Jika jawapnya tidak atau belum ditemui, maka kemungkinannya yang ada sekarang ialah penduduk-penduduk di daerah pendalaman Negeri Sembilan itu lebih mudah menerima dan didakwahkan oleh saudara sebangsa mereka sendiri, iaitu orang-orang Melayu dari daerah yang berjiran jika tidak pun oleh pedagang-pedagang dari Siak atau Kampar dan Aceh di Sumatera.

Satu tumpuan objek lagi yang boleh dijadikan penelitian ialah bentuk bangunan atau senibina masjid yang terdapat di Selatan India dengan senibina masjid yang terdapat di Negeri Sembilan. Sepanjang lawatan kami ke Selatan India, tidak terdapat persamaan langsung bentuk binaan masjid di sana dengan bentuk binaaan masjid di Negeri Sembilan, terutama yang dibina dalam zaman era sebelum kemerdekaan,

adalah menyerupai dan mirip kepada bentuk senibina masjid yang terdapat di Negeri Melaka.

Satu lagi tumpuan perhatian kami ialah meneliti batu-batu nisan yang ada diatas perkuburan orang Islam di India. Tidak terdapat sebarang persamaan diantara batu-batu nisan di sana dengan bentuk batu-batu nisan yang terdapat diperkuburan orang-orang Islam di Negeri Sembilan.

Kami tidak dapat meneliti secara khusus apakah mazhab yang menjadi ikutan majoriti penduduk (penganut) Islam di Selatan India, tetapi secara sepintas lalu didapati penganut Islam di India Selatan tidak bertemu kepada satutu mazhab semalamata seperti penganut Islam di Malaysia yang keseluruhananya adalah berpegang kepada mazhab Shafie. Disana ada yang berpegang kepada mazhab Maliki, ada yang menjadi pengikut mazhab Hambali dan ada juga yang berpegang kepada mazhab Shafie.

Sepintas lalu, kesimpulannya boleh dianggap peranan orang-orang atau mualigh Islam India dalam mengislamkan penduduk Negeri Sembilan, semenjak mula-mula Islam bertapak di Semenanjung Tanah Melayu sebenarnya tidak begitu penting. Tinggalan yang terdapat di Makam Keramat Sungai Udang adalah secara kebetulan dan bukan dirancangkan untuk menjadikan kawasan itu sebagai pertapakan mualigh Islam dari India untuk menyebarkan Islam di kawasan pantai, pesisir atau pendalaman Negeri Sembilan. Jiran terdekat iaitu Melaka lebih berpotensi dan berkemungkinan mengislamkan penduduk di Negeri Sembilan.

#### **SUMBER RUJUKAN**

1. Professor Dr. Syed Mohd. Naguib al Attas, "Nilai-nilai Kebudayaan Dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu", kertas kerja Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Universiti Malaya Kuala Lumpur, 16 - 20hb. Ogos 1971
2. Yusuf Iskandar, "Masyarakat Melaka 1400 - 1511 M dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang Asing", Kertas Kerja Kongres Sejarah Malaysia, UKM, Bangi, Selangor, 10 - 12 hb. April 1978.
3. Batu Bersurat dan Persekitaran Makam Keramat Sungai Udang, Pengkalan Kempas Negeri Sembilan. .